

Puteri UMNO kini punyai 84,372 ahli berdaftar

UM 4 AUG 2011

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Puteri UMNO yang ditubuhkan empat bulan lalu menunjukkan prestasi cemerlang apabila kini mempunyai sebanyak 84,372 ahli berdaftar di seluruh negara.

Johor mencatat jumlah keahlian tertinggi iaitu 10,322 orang diikuti Selangor (10,000), Sabah (8,978) dan Pahang (9,660).

Jumlah keahlian itu diu-

mumkan oleh Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said ketika berucap pada majlis pelancaran sayap baru UMNO itu oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam tadi.

Menurut Azalina, jumlah ahli yang banyak itu tidak akan membawa makna sekiranya mereka tidak memberi sumbangan dan

melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

“Kita jangan lupa bahawa kekuatan UMNO di masa depan adalah tanggungjawab generasi muda dan itu menjadi tanggungjawab Puteri UMNO. Jangan lupa bahawa kita adalah mekanisme perubahan,” katanya.

Menurut Azalina, Puteri telah menggariskan tiga pendekatan di bawah slo-

gan ‘Generasi Wanita Prihatin’ iaitu pendidikan, perkhidmatan dan kesihatan sebagai teras utama perjuangannya.

Mengenai saranan Dr. Mahathir supaya Puteri mengadakan sesi kursus untuk mendedahkan matlamat sebenar perjuangan UMNO, beliau berkata, usaha itu akan digerakkan secepat mungkin dan akan dimulakan di peringkat cawangan seluruh negara.